



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **16 Jamadilawal 1443 / 21 Disember 2021**

- I. Pada hari ini, Selasa 16 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 21 Disember 2021, sebanyak **6 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,418 orang.**
 - Daripada jumlah tersebut, **5** adalah kes tempatan manakala **1** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **3,564 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.2%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes adalah dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan

bantuan mesin tambahan *heart/lung machine*, ECMO di Unit Rawatan Intensif).

3. **37 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,150 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **168 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **3.9%**.
4. Sehingga kelmarin, 20 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.4%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **92.5%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **9.1%**.
5. Seterusnya, berikutan Sidang Media Kementerian Kesihatan pada 13 Disember 2021 mengenai pemberian dos ketiga kepada orang ramai yang berumur 18 tahun ke atas dan telah melengkapkan dua dos vaksinasi, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tempahan bagi vaksinasi dos ketiga atau dos penggalak melalui aplikasi BruHealth akan dibukakan pada esok, 22 Disember 2021

bermula pada jam 12:00 tengahari. Orang ramai yang ingin membuat tempahan dos ketiga hendaklah terlebih dahulu mengemaskini aplikasi BruHealth masing-masing melalui *Google Play Store* atau *App Store* bagi membolehkan tempahan untuk dibuat. Slot tempahan dos ketiga ini dibukakan mulai dari 23 Disember 2021.

Walau bagaimanapun, pemberian dos ketiga secara *walk-in* adalah masih dibukakan kepada golongan warga emas, ibu-ibu mengandung dan orang kelainan upaya (OKU) sahaja.

Pada masa ini, pemberian dos ketiga atau dos penggalak di Negara Brunei Darussalam adalah menggunakan vaksin Pfizer-BioNTech atau Moderna, tertakluk kepada stok yang terdapat di pusat vaksinasi berkenaan. Kajian saintifik mendapati penggunaan kedua-dua jenis vaksin ini sebagai dos ketiga atau dos penggalak adalah berkesan dan selamat untuk mempertingkatkan imuniti dalam badan dan memberikan perlindungan daripada jangkitan COVID-19, tanpa mengira jenis vaksin asal yang diterima sebagai dos pertama dan dos kedua.

6. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **Alhamdulillah, tidak ada pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara.

7. Marilah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa merahmati Negara Brunei Darussalam serta rakyat dan penduduk sentiasa di dalam perlindunganNya dan terselamat dari segala musibah dan mara bahaya khususnya dari wabak COVID-19...Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Jamadilawal 1443H / 21 Disember 2021